

22/06/1998

Isu nepotisme, kronisme tamat

KUALA LUMPUR, Ahad - Kalangan pemimpin Umno menyifatkan soal nepotisme dan kronisme yang menjadi isu hangat sepanjang Perhimpunan Agung Umno tahun ini sudah berakhir dan tidak perlu disalahtafsirkan lagi.

Mereka sependapat sebarang masalah dan rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin parti mesti dirujuk melalui saluran sah parti, khususnya Majlis Tertinggi (MT).

Naib Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Ketua Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi perlu menerima penjelasan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu nepotisme, kronisme dan menjadikannya satu teguran ikhlas.

Sambil menyifatkan teguran Dr Mahathir itu demi kebaikan parti, beliau berkata, isu nepotisme dan kronisme tidak seharusnya diperbesarkan lagi sehingga mencetus perbalahan dalam parti.

"Pemuda perlu menerimanya sebagai satu teguran. Mereka (Pemuda) buat teguran. Presiden parti juga beri nasihat dalam semangat perpaduan untuk kebaikan semua ahli parti," katanya.

Ketika ditanya kesan buruk akibat isu nepotisme dan kronisme yang dibangkitkan itu, Abdullah berkata ia tidak membawa kesan yang terlalu buruk kepada negara.

"Isu ini baru timbul. Ia hebat diperbincangkan. Kita tengoklah apa yang berlaku. Tetapi saya percaya pandangan yang diberikan cukup jelas," katanya.

Beliau turut menegaskan usaha selepas ini adalah merapatkan perpaduan parti bagi memastikan usaha pemulihan ekonomi berhasil.

Beliau juga menyokong saranan Dr Mahathir bahawa apa juga masalah yang dihadapi dan difikir boleh menjejaskan kekuatan parti dibawa ke MT.

Ahli MT, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata teguran Dr Mahathir terhadap Zahid patut direnung semua anggota parti.

Menurutnya, Umno mempunyai saluran tertentu untuk menyelesaikan sebarang masalah melalui konsep musyawarah.

"Presiden sering kali berpesan supaya pemimpin parti tidak bercakap di luar parti, sebaliknya menggunakan saluran MT.

Beliau berkata terpulang kepada Zahid untuk memohon maaf kepada Dr Mahathir terhadap apa yang diperkatakan sepanjang perhimpunan itu.

"Sebagai seorang anak dan Presiden pula sebagai bapa, masalah itu sudah tentu akan selesai dengan baik," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pula berkata, ahli parti sepatutnya lebih sensitif dan berfikir dengan serius sebelum mengetengahkan sebagai isu yang kontroversi.

Menurutnya, konsep kronisme dan nepotisme perlu dibezakan di antara kefahaman Barat dan di negara ini supaya ia tidak menimbulkan sebarang perpecahan, khususnya di dalam Umno.

Beliau yakin dengan penjelasan Dr Mahathir, isu berkenaan tidak lagi dihangatkan dengan pelbagai tafsiran.

"Biarlah isu ini berakhir sekarang dan semuanya sudah dijelaskan oleh pemimpin tertinggi parti.

"Cuma pengajarannya kita harus lebih peka sebelum kita membawa istilah atau perkataan yang akan menimbulkan banyak tanda tanya," katanya.

Mengenai kemungkinan berlaku krisis kepemimpinan dalam pergerakan Pemuda, Zaharah berkata, ia tidak akan berlaku kerana pemimpin Umno komited untuk mengekalkan perpaduan.

(END)